

**UNTUK SIARAN SEGERA**

---

## **Kadar Pengambilan 100% Hab Komersil Pertama Bandar Serenia 'The Corak' Mencerminkan Daya Tarikan Sime Darby Property**

- Dengan GDV sebanyak RM186 juta, The Corak adalah pembangunan tanah kekal yang terdiri daripada 98 unit pejabat kedai dua tingkat dan satu unit pandu lalu;
- Kadar pengambilan yang kukuh mencerminkan keyakinan para peniaga terhadap Sime Darby Property, menekankan daya tarikan The Corak sebagai destinasi utama yang memenuhi keperluan bandar yang pesat membesar

**ARA DAMANSARA, 29 APRIL 2024** – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) meraikan kadar pengambilan 100% untuk The Corak, hub komersial yang terletak di Bandar Serenia. Pemilik perniagaan dan para pelabur merebut peluang untuk menjadi sebahagian daripada hab komersil tanah kekal yang pertama di perbandaran ini, yang dijadualkan siap menjelang tahun 2027.

Berpotensi untuk menjadi pusat rekreasi dan sosial di Bandar Serenia, The Corak, dengan Nilai Pembangunan Kasar (“*Gross Development Value*” atau “GDV”) sebanyak RM186 juta dijangka akan memperkasakan perbandaran ini dan memberi kemudahan kepada penduduknya. Selain itu, hab komersil ini juga berkemungkinan untuk meluaskan peluang pekerjaan dan justeru menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi di Bandar Serenia.

The Corak terletak di sentral Bandar Serenia berhadapan dengan Serenia City Central Park yang berkeluasan sebanyak 32 ekar. Pembangunan ini menawarkan 98 unit pejabat kedai dua tingkat dan satu unit pandu lalu dengan luas binaan dari 3,358 kaki persegi hingga 5,233 kaki persegi. serta harga jualan yang bermula dari RM1.7 juta hingga RM3.3 juta. The Corak menawarkan reka bentuk moden dengan penempatan papan tanda yang strategik, binaan tingkap yang tinggi untuk ruang kafe, laluan penjalan kaki yang luas untuk suasana ruang makan *al fresco*, siling tinggi untuk mewujudkan atmosfera menarik, dan 830 tempat letak kereta untuk keselesaan pelanggan.

Ketua Pegawai Pemasaran dan Jualan Sime Darby Property, Datuk Lai Shu Wei berkata bahawa The Corak direka untuk meningkatkan landskap perniagaan di Bandar Serenia dengan menyediakan persekitaran yang efisien dan mampu menyokong objektif perniagaan pemilik kedai runcit.

“Kadar pengambilan yang kukuh ini mencerminkan keyakinan peniaga terhadap Sime Darby Property, dan ini juga membuktikan daya tarikan The Corak sebagai destinasi utama yang berpotensi untuk memenuhi keperluan bandar yang pesat membesar,” katanya.

Datuk Lai menambah: “Komuniti perniagaan menaruh kepercayaan mereka dalam dedikasi kami untuk mencipta persekitaran yang khususnya direka untuk memenuhi keperluan mereka. Ini merupakan sebuah komitmen yang selaras dengan Matlamat Syarikat sebagai Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi dan Planet selain memupuk kelestarian generasi dan komuniti yang proaktif.”

Dengan daya tarikan positif untuk demografi yang dinamik, pemilik perniagaan di The Corak boleh memanfaatkan anggaran populasi seramai 500,000 yang berada di dalam lingkungan masa pemanduan selama 20 minit dari hab perniagaan ini. Dengan lokasi yang strategik The Corak terletak di sepanjang jalan utama di Bandar Serenia dan juga berdekatan dengan akses kepada tiga lebuh raya utama iaitu Lebuhraya Utara Selatan Linkaran Tengah (“ELITE”), Lebuhraya Utara-Selatan (“NSE”) dan Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya (“MEX”).

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.simedarbyproperty.com/serenia-city/the-corak/> atau kunjungi kami di Galeri Jualan Bandar Serenia.

**-TAMAT SIARAN-**

**Mengenai Sime Darby Property Berhad**

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampuan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 25 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat harta tanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja, Bandar Hamilton Nilai, dan Zon Ekonomi Khas Pagoh. Sime Darby Property juga merupakan pemaju harta tanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangnya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berdasarkan sains untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menjuarai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenuhi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselia oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi, dan Planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property diiktiraf di peringkat dunia dengan kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023, dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk All-Stars di StarProperty Awards 2023, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2023, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2023, Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2023, serta dinamakan sebagai salah satu daripada tiga pemaju harta tanah terbaik Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2023'.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)

Kontak Media: Alia Mior Azhar | +6010-433 4268 | [alia.miorazhar@simedarbyproperty.com](mailto:alia.miorazhar@simedarbyproperty.com)

Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)